

“DOKUMENTARI MISTERI KEHILANGAN TEBU CHUPING, PERLIS”

“DOCUMENTARY THE MYSTERY OF THE LOSS OF CHUPING SUGARCANE FARM IN PERLIS”

Noor Aziah Abdullah^{1*}, Amirul Syahmi Sahidan²

¹ Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia
Email: nooraziah@uum.edu.my

² Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia
Email: mr.amirul.syahmi@gmail.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 10.10.2021

Revised date: 15.11.2021

Accepted date: 25.11.2021

Published date: 01.12.2021

To cite this document:

Abdullah, N. A., & Sahidan, A. S. (2021). “Dokumentari Misteri Kehilangan Tebu Chuping, Perlis”. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (26), 138-147.

DOI: 10.35631/IJLGC.626012.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Abstrak:

Jika Kelantan terkenal dengan kehebatan penghasilan wau bulan, Terengganu dengan keindahan pantainya, Perlis pula terkenal dengan pemandangan terbentang luas ladang tebu di Chuping. Namun keunikan ladang tebu tidak lagi kelihatan di Chuping. Justeru itu, dokumentari ini dihasilkan dengan diberi tajuk “Misteri Kehilangan Ladang Tebu Chuping”. Kajian ini dijalankan dengan beberapa objektif yang pertama; mengenal pasti penutupan ladang tebu, Chuping; kedua; mengenal pasti pekerjaan yang dilakukan oleh bekas pekerja ladang tebu Chuping. Bagi mendapatkan dapatan kajian kaedah pengumpulan data dilakukan dengan mengadakan temu bual mendalam bersama informan dari pihak Pejabat Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs), MSM Perlis Sdn Bhd dan seorang bekas pekerja di bekas ladang tebu tersebut. Selain teknik temu bual, teknik imbas kembali juga turut digunakan bertujuan memaparkan maklumat dan juga babak kronologi mengenai ladang tebu di Chuping ini. Sehubungan dengan itu, dokumentari yang berdurasi 10 minit ini diterbitkan bagi menjawab beberapa persoalan berkaitan kehilangan ladang tebu dan penutupan kilang gula di Chuping, Perlis. Hasil kajian mendapati kehilangan ladang tebu di Chuping adalah atas faktor penawaran yang tidak mampu menyaingi permintaan yang tinggi, kemerosotan nutrien tanah yang membawa kepada penghasilan kualiti tebu yang rendah serta urus tadbir yang lemah di pihak pengurusan induk. Penghasilan dokumentari ini dapat dijadikan sumber informasi kepada masyarakat negara, pelajar dan pemain industri.

Kata Kunci:

Dokumentari, Chuping, Ladang Tebu, Perlis, Ekonomi

Abstract:

If Kelantan is famous for the great production of moon kites, Terengganu for its beautiful beaches, Perlis is famous for the vast expanse of sugarcane plantations in Chuping. But the uniqueness of the sugarcane farm is no longer visible in Chuping. Therefore, this documentary was produced with the title "The Mystery of the Loss of Chuping's Sugarcane Farm". The study was conducted with the first few objectives; identify Chuping's sugarcane plantation closures; second; to identify the work done by former Chuping's sugarcane plantation workers. To obtain the findings of the study, data collection methods was done by conducting in-depth interviews with informants from the Office of the State Economic Planning Division (BPEN), Perlis State Economic Development Corporation (PKENPs), MSM Perlis Sdn Bhd and a former employee at the former sugarcane plantation. Apart from the interview technique, the flashback technique is also used to display information and a chronological scene about the sugarcane plantation in Chuping. In relation to that, this 10 -minute documentary was published to answer some questions related to the loss of sugarcane plantations and the closure of a sugar factory in Chuping, Perlis. The study found that the loss of sugarcane farms in Chuping was due to supply factors that could not compete with high demand, soil nutrient degradation leading to low-quality sugarcane production and poor governance on the part of top management. The production of this documentary can be used as a source of information to the public, students, and industry players.

Keywords:

Documentary, Chuping, Sugarcane Plantation, Perlis, Economics

Pendahuluan

Dokumentari “Misteri Kehilangan Tebu Chuping” ini mengandungi 3 bahagian iaitu teaser (1 minit), di sebalik tabir (1minit) dan penerbitan sebenar (10 minit) merungkai tentang persoalan dan misteri berhubung penutupan ladang tebu dan kilang pemprosesan pengeluaran gula mega di Perlis. Pernah, negeri Perlis terkenal dengan ladang tebu yang terbentang luas sehingga dijadikan sebahagian dari lokasi penggambaran filem ‘KL Menjerit’. Ladang tebu Chuping cukup sinonim dengan negeri Perlis. Namun kini, negeri Perlis tiada lagi kelihatan ladang tebu yang terbentang luas malah terkenal pula dengan pengeluaran mangga jenis Harum Manis. Suatu ketika dahulu, Ladang tebu Chuping pernah menghasilkan gula pasir di pasaran dengan jenama Gula Prai.

Oleh hal yang demikian, pengkaji terdorong untuk menjalankan kajian bagi meneroka apakah faktor yang membawa kepada kehilangan panorama indah ini. Selaras dengan itu, kajian berbentuk dokumentari ini dihasilkan dengan diberi tajuk “Misteri Kehilangan Tebu Chuping” ini menggunakan teknik rakaman video, temu bual, suara latar dan imbas kembali bertujuan memaparkan maklumat dan juga babak kronologi mengenai ladang tebu di Chuping ini. Dokumentari ini turut memaparkan temu bual bersama wakil syarikat kilang gula Chuping itu sendiri, iaitu MSM Perlis Sdn Bhd.

Selain itu, dokumentari ini juga memaparkan temu bual bersama wakil Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Perlis (BPEN Perlis) bagi mengulas lebih lanjut faktor kehilangan legasi

ladang tebu ini. Temu bual turut dilakukan bersama pihak Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs) bertujuan untuk mendapatkan pandangan pihak PKENPs sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam mentadbir ekonomi negeri Perlis. Selain itu, dokumentari ini juga memaparkan temu bual bersama pihak FELDA serta seorang informan yang terdiri dari bekas pekerja di ladang tebu tersebut. Justeru itu, diharapkan dokumentari “Misteri Kehilangan Tebu Chuping” ini dapat mengetengahkan informasi dan mesej yang dapat memberi pengetahuan dan pengajaran kepada masyarakat dan industri khususnya.

Sorotan Karya

Konsep Dokumentari

Dokumentari bermaksud daripada perkataan English iaitu document yang berasal daripada perkataan Latin Docere bermaksud untuk mengajar. Dokumentari bermaksud satu pembelajaran, teguran dan amaran (Oxford, 2000). John Grierson (2014) pula mendefinisikannya sebagai sebuah olahan kebenaran secara kreatif. Perkataan dokumentari sebenarnya dicipta oleh John Grierson setelah beliau berpeluang menonton sebuah filem Robert J. Flaherty, Moana (1926) seorang rakyat Kanada. Manakala Roy Paul Maden (1973: 317-318) dalam bukunya, *The Impact of Film* telah mendefinisikan dokumentari sebagai sebuah filem yang mempunyai unsur pembujukan secara jujur, isi kandungan yang objektif dan teknik sinematik yang bersifat kandid tetapi mampu mendapatkan sokongan penonton terhadap perubahan politik, sosial dan ekonomi.

Judd Bradbury et.al (2020) menyatakan bahawa konsep dokumentari merujuk kepada visual penceritaan yang mana ianya merujuk kepada gaya penyampaian informasi yang mengkonstruksi data visual berdasarkan penggambaran yang menggunakan penceritaan secara naratif. Kebanyakkannya kajian dalam bentuk dokumentari membentangkan data visual secara naratif termasuk mengikut citarasa penulis, pembingkaian retorik, urutan cerita dan metafora.

Ladang Tebu Chuping

Ladang tebu Chuping ini dimiliki sepenuhnya oleh Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV). Ekoran dari itu pada tahun 1971 kilang gula mula didirikan di atas sebidang tanah milik Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) yang berkeluasan lebih kurang 99 hektar manakala ladang tebu pula berkeluasan 4,453.92 hektar. Perladangan dan perusahaan ini telah bertapak kukuh selama 41 tahun dan menjadi sumber utama rezeki sebahagian penduduk Chuping (Danu, 2014). Gula pasir yang dihasilkan dari ladang ini dikilangkan oleh kilang gula yang dimiliki oleh MSM Perlis Sdn Bhd. Pengeluaran produk gula ini bukan sahaja memberikan pekerjaan kepada pekerja kilang yakni masyarakat negeri Perlis malah pembukaan ladang yang luas ini turut menjanjikan sebuah kehidupan yang sempurna buat penduduk sekitar atau lebih dikenali sebagai peserta Felda. Namun kini, pemandangan indah ladang tebu yang terbentang luas tidak lagi kelihatan malah digantikan dengan tanaman pokok getah

Ekonomi Berasaskan Perladangan Tebu

Faktor yang menjadi pemangkin utama lahirnya penanaman tebu gula di Perlis ialah bila harga gula di pasaran dunia melambung naik daripada RM338.40 satu tan dalam tahun 1963 kepada RM1693.20 satu tan pada tahun 1973. Peningkatan mendadak harga gula sebanyak 105% dalam masa 10 tahun, turut menjadi tanda bahawa dunia dilanda inflasi. Oleh yang demikian, kerajaan cuba meluaskan kaedah mempelbagaikan tanaman dengan memasukkan tanaman tebu

gula di dalam penanaman tanaman wang. Pejabat-pejabat pertanian negeri telah diarahkan supaya melakukan percubaan menanam tebu gula. Pakar-pakar pertanian daripada Rancangan Colombo 1963 yang telah dikendalikan oleh kerajaan Australia telah membantu Malaysia membuat kajian mendalam mengenai kemungkinan menjalankan perusahaan tebu gula di Malaysia. Hasil dari kajian yang dijalankan pada tahun 1965 mendapati bahawa hanya negeri Perlis, Kedah dan Kelantan sahaja yang sesuai dengan tanaman tebu gula berdasarkan kesesuaian iklim dan tanah-tanah. Pasukan ini juga telah memberikan pandangan bahawa setiap ladang tebu yang bermutu hendaklah luasnya tidak kurang daripada 20,000 ekar yang boleh menghasilkan lebih kurang 60,000 tan metrik gula bagi pasaran tempatan. (Perlis Sugar Project, hlm 1). Penekanan terhadap pengkomersilan hasil pertanian yang didorong oleh keperluan kerajaan untuk mengekstrak lebihan pertanian dari luar bandar adalah perlu bagi menjana pendapatan asing dan memulakan pembangunan luar bandar dan projek infrastuktur (Martiniello and Azambuja, 2019).

Permintaan Mengatasi Penawaran

Ekoran dari perubahan penumpuan kerajaan terhadap sektor industri dan perkhidmatan pada tahun 1990an telah membawa impak yang besar kepada sektor pertanian. Kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menurun dari 13.5 peratus untuk tahun 1995 kepada 7.2 peratus pada tabun 2010. Sektor pertanian Malaysia pada era kemerdekaan sehingga tahun 1980an telah memainkan peranannya yang signifikan dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang berpanjangan, pembasmian kemiskinan, dan keselamatan makanan negara (Quah, 1999). Pertanian mapan sejak satu dekad yang lalu telah menjadi agenda penting untuk menjamin pengeluaran hasil pertanian yang berterusan disamping meningkatkan ekonomi para petani. Walaupun Malaysia melangkah kepada negara industri, sektor pertanian masih merupakan sektor penting yang turut menyumbang kepada ekonomi. Sumbangan sektor pertanian semakin berkurangan, tetapi ia masih merupakan satu-satunya sektor yang sumbangannya agak signifikan dan memberi kestabilan semasa negara menghadapi kegawatan ekonomi pada tahun 1986-87 dan 1997~98. Sumbangan sektor pertanian kepada KDNK telah berkurang daripada 31.5 peratus pada tahun 1965 kepada 30.8 peratus pada tahun 1970. 27.7 peratus pada tahun 1975 dan terus turun kepada 22.9 peratus pada tahun 1980. Pada tahun 1985 dan 1990 sumbangan sektor pertanian kepada KDNK merosot kepada 20.8 peratus dan 18.7 peratus dan terus berkang kepada 13.4 peratus pada tahun 2000.

Pengurusan Produksi

Pra Produksi

Dalam peringkat ini, terdapat pelbagai peringkat perkembangan idea antaranya adalah Logline dan sinopsis, Treatment dan skrip, Papan cerita, Running order, Bajet produksi, Jadual pelaksanaan dan durasi yang merupakan tempoh masa pelaksanaan video ini. Berikut merupakan contoh kepada sinopsis bagi dokumentari ini.

Sinopsis


Dokumentari “Legasi Kehilangan Tebu Chuping” ini akan merungkai persoalan dan misteri tentang penutupan salah satu ladang dan kilang mega di Perlis. Perlis merupakan salah satu negeri yang mengeluarkan produk gula di Malaysia dengan keluasan ladang tebu seluas 5,797 hektar di Chuping, Perlis. Kilang ini mula menapak di Chuping sejak 2011 dan telah menjadi sumber utama rezeki negeri. Pada Januari 2019, satu iklan mengenai penjualan tanah pertanian


terletak di Lot 2601, Chuping itu kini menjadi tular di laman sosial dan menimbulkan pelbagai persoalan orang ramai mengenai status jualan yang mungkin jatuh kepada tangan orang asing. Pada asalnya, negeri Perlis terkenal dengan negeri penanaman ladang tebu selain dari penanaman harum manisnya. Selama bertahun-tahun Perlis menjadi salah satu negeri keluaran produk gula iaitu Gula Prai. Kilang yang dimiliki oleh MSM Perlis Sdn Bhd ini selain telah menjadikan gula sebagai sumber ekonomi negeri Perlis, malah ia juga telah menjadi punca mencari rezeki untuk penduduk sekitar Chuping. Kajian ini dijalankan bagi menjelaskan punca sebenar kehilangan ladang tebu, selain untuk mengenal pasti peluang pekerjaan penduduk Chuping serta untuk memberi saranan tentang kewujudan identiti tarikan Negeri Perlis itu sendiri.

Papan Cerita

Berikut merupakan contoh papan cerita bagi penerbitan dokumentari ini.

Jadual 1: Papan Cerita Penerbitan Dokumentari “Misteri Kehilangan Ladang Tebu, Chuping, Perlis”

| | |
|---|--|
|  | Scene: 1 Lokasi: Sekitar Perlis Penerangan: Pengenalan mengenai negeri Perlis dan industri-industri yang terdapat di Perlis Audio: - Narrator - Tony Anderson - Darkest Night (Extended Version) ft. James Everingham |
|  | Scene: 2 Lokasi: Pejabat BPEN, Bangunan Dato' Mahmud Mat Kangar Penerangan: Penerangan mengenai sejarah awal penubuhan ladang tebu di Chuping Audio: - Narrator - Tony Anderson - Darkest Night (Extended Version) ft. James Everingham |
|  | Scene: 3 Lokasi: Laman web rasmi Harian Metro Penerangan: Keratan akhbar mengenai penjualan tanah ladang tebu Audio: - Narrator - Tony Anderson - Darkest Night (Extended Version) ft. James Everingham |

| | |
|---|--|
|  | <p>Scene: 4 Lokasi: Temubual melalui atas talian Penerangan: Faktor-faktor utama penutupan ladang tebu Chuping Audio: - Narrator - Tony Anderson - Darkest Night (Extended Version) ft. James Everingham</p> |
|  | <p>Scene: 5 Lokasi: Ladang getah, Jalan Ladang Getah, Chuping Penerangan: Merungkai pekerjaan semasa bekas peneroka ladang tebu Chuping Audio: - Narrator - Tony Anderson - Darkest Night (Extended Version) ft. James Everingham</p> |
|  | <p>Scene: 6 Lokasi: Hotel Brasmasa, Kuala Perlis Penerangan: Saranan pemantapan identiti tarikan Negeri Perlis Audio: - Narrator - Tony Anderson - Darkest Night (Extended Version) ft. James Everingham</p> |

Produksi

Pasukan produksi yang terlibat terdiri dari seorang pengarah (Amirul Syahmi), seorang pembantu juru kamera (Nur Liyana) dan suara latar (Nur Liyana). Tempoh rakaman produksi adalah dari 4 November 2019 hingga 22 Julai 2020 yang meliputi rakaman dokumentari, rakaman temu bual dan suara latar. Peralatan yang telah digunakan ialah Canon 60d, Canon 1500d, Xiaomi Redmi 6 Pro, tripod, monopod, slider, stabilizer Zhiyun Weebill S, mikrofon Boya M1, Boya MM1 dan DJI Mavic Mini

Informan

Seramai lima orang informan telah ditemu bual yang terdiri daripada pihak MSM Perlis Sdn Bhd, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Perlis, UPEN dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis, PKENPs, kakitangan FELDA Chuping dan seorang bekas peneroka ladang tebu

Visual

Terdapat beberapa teknik rakaman kamera yang digunakan untuk dokumentari ini, termasuk Extreme Long Shot (ELS), Long Shot (LS), Medium Shot (MS) dan Close up (CU). Di samping itu, ‘tilt’, ‘pan’ serta teknik ‘dolly’ yang juga digunakan dalam proses rakaman. Untuk rakaman temu bual, ‘rules of third’ adalah salah satu daripada komposisi rakaman yang digunakan semasa temu bual.

Audio

Untuk sesi temu bual, mikrofon yang digunakan adalah dari jenis ‘Omni Directional Lavalier Microphone’ yang digunakan secara terus ke DSLR dan pada telefon bimbit. Bagi Video rakaman luaran atau rakaman bukan jenis temu bual, mikrofon jenis ‘Shotgun Mini Cardioid Condenser’ turut digunakan untuk merakam sound effect sekitar kawasan rakaman.

Talent

Seramai dua orang talent telah digunakan bagi menjayakan projek dokumentari ini. Talent bagi penerbitan dokumentari ini terdiri dari pengarah dan suara latar.

Lokasi Projek

Pemilihan lokasi adalah berdasarkan keberadaan setiap informan yang ingin ditemu bual di Kilang Gula Chuping, Bangunan Dato’ Mahmud Mat Kangar, Hotel Brasmana Kuala Perlis dan Jalan Ladang Getah Chuping. Selain itu, beberapa temu bual bersama informan terpaksa dilakukan melalui atas talian atas faktor perintah larangan ekoran dari pandemik Covid-19.

Pasca Produksi

Pasca-produksi yang melibatkan penyuntingan video, suara, muzik, efek visual dan sebagainya telah mengambil masa selama 30 hari. Penyuntingan dilakukan menggunakan perisian Adobe Premiere Pro CC 2018, Adobe Audition CC 2018 dan Adobe Photoshop CC 2018. Penyuntingan dilakukan untuk menghasilkan sebuah dokumentari yang berkualiti seperti yang telah dirancang. Berikut merupakan contoh Jadual pelaksanaan penerbitan bagi projek dokumentari ini.

Carta Gant – Jadual Pelaksanaan Penerbitan

| Perkara | 2019 - 2020 | | | | | | | | |
|--|--------------------|-------|-------|-------|------|-----|-----|-----|------|
| | 25/9 | 27/12 | 28/12 | 29/12 | 22/7 | 3/8 | 4/8 | 6/8 | 11/8 |
| Pembentangan idea | | | | | | | | | |
| Receee lokasi | | | | | | | | | |
| Penghasilan treatment, logline, synopsis, skrip, papan cerita dan lain-lain lagi | | | | | | | | | |
| Penghasilan bajet, jadual dan running order | | | | | | | | | |

| | | | | | | | | |
|--------------------------------|--|--|--|--|--|--|--|--|
| Rakaman suara latar | | | | | | | | |
| Rakaman temubual informan | | | | | | | | |
| Suntingan rakaman penuh | | | | | | | | |
| Tayangan pertama rakaman penuh | | | | | | | | |
| Tayangan kedua rakaman penuh | | | | | | | | |
| Penghantaran laporan penuh | | | | | | | | |

Viral

Video ini telah dimuat naik melalui saluran YouTube “supaya dapat di tonton oleh semua golongan masyarakat tanpa mengira umur. Diharapkan melalui video ini dapat menjelaskan misteri hilangnya industri terbesar pengeluar gula di Malaysia serta memberi informasi kepada golongan pelajar tentang gerak kerja pembikinan video.

Kesimpulan

Kegemilangan Negeri Perlis dengan ladang tebunya kini hanya tinggal sejarah. Kini simbol negeri Perlis beralih kepada buah Mangga Harum Manis. Gula Prai terhasil dari penanaman tebu di Chuping, Perlis ini. Kewujudan perladangan tebu dan perkilangan gula sedikit sebanyak membantu ekonomi penduduk sekitar Chuping. Justeru, penghasilan dokumentari ini adalah bagi mendapatkan fakta sebenar kehilangan ladang tebu Chuping ini. Dapatkan kajian diperolehi melalui kaedah kualitatif sepenuhnya iaitu teknik temu bual mendalam bersama informan bagi mencungkil pandangan dan pengalaman informan berhubung misteri kehilangan penanaman tebu di Chuping. Bagi meningkatkan kefahaman audiens akan dokumentari ini, narator atau suara latar menggunakan sepenuhnya Bahasa Melayu. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa “Misteri Kehilangan Tebu Chuping” ini adalah disebabkan oleh penawaran yang tidak mampu menyaingi permintaan yang tinggi. MSM Perlis hanya mampu memenuhi sebanyak 20% sahaja bagi keperluan pasaran tebu di seluruh negara. Di samping itu, faktor kemerosotan pH tanah yang semakin berkurangan yang memberi implikasi kepada kualiti tebu yang dihasilkan adalah rendah. Walaupun pihak MSM Perlis Sdn Bhd telah melakukan pelbagai usaha dalam mengatasi masalah ini namun menemui kegagalan. Hakikatnya, pengurusan yang baik mampu menghasilkan keputusan yang bijak seterusnya meningkatkan kejayaan organisasi. Namun, perkara sedemikian, tidak berlaku dalam pengurusan peringkat tertinggi organisasi ladang tebu ini. Pertukaran tampuk kepimpinan yang sering membentuk legasi baru ternyata mengundang padah apabila keputusan sering berubah mengikut arus pemimpin.

Dokumentari ini dimuat naik melalui saluran “YouTube” (<https://youtu.be/9YTrO6SEJkk>) untuk dijadikan tatapan umum dan menjadi panduan kepada khalayak yang ingin mempelajari gerak kerja pembikinan video dan informasi kepada khalayak berkenaan kehilangan ladang tebu di Chuping, Perlis. Penerbitan dokumentari ini turut dimuatnaik dalam aplikasi media sosial yang lain seperti Whatapps, Facebook dan Intagram bagi meluaskan penontonan. Menurut Mardian Shah Omar & Mashrom Muda (2019) melalui kajian mendapati bahawa bahawa pendedahan budaya Melayu melalui video dalam YouTube dan paparan visual jenis-jenis pakaian tradisional, makanan, permainan, alat muzik dan tarian tradisional Melayu melalui google image, sangat memberi kesan kepada pelajar dalam pemahaman dan penguasaan kosa kata BM. Filem dokumentari memainkan peranan penting dalam aspek bagaimana kita melihat dan meletakkan posisi kita di dunia ini (Angela Fitzgerald dan Magnolia Lowe,(2020). Nur Shahafiqah Nadiah Jaffery, Sharifah Nurafizah Syed Annuar & Joseph Alagiaraj Thambu Raj,(2020) mendapati bahawa pengiklanan melalui Youtube berkesan dan merupakan platform yang effektif dalam menimbulkan kesedaran pengguna akan kebaikan pengambilan buah-buahan dan sayuran dan meningkatkan kesedaran pengguna untuk terus mengambil buah-buahan dan sayuran sebagai makanan utama.

Selaras dengan itu, pendidikan dan pengajaran perlu berubah selari dengan perkembangan teknologi maklumat yang mana pembentukan bahan pengajaran berbentuk digital adalah penting yang dapat memberi kemudahan akses dan pemahaman yang jitu pelajar. Dokumentari dapat dijadikan salah satu bahan pengajaran yang cukup berkesan berdasarkan keperluan semasa yang lebih menumpukan kepada kandungan digital era kini. Filem dokumentari dapat dikatakan sebagai cabang media. Oleh itu media merupakan agen penting sosialisasi dan juga pengantara realiti politik serta perlu dilihat sebagai institusi utama masyarakat kontemporari dengan pelbagai pengaruh ekonomi, politik, budaya dan kesan sosial (Muhamamrd Ridhwan Sarifin, Mohamad Fauzi Sukimi & Mohd Nor Shahizan Ali, 2021)

Rujukan

- Ahmad, F. (2001). Sustainable Agriculture System in Malaysia.
- Angela Fitzgerald & Magnolia Lowe.(2020). Acknowledging Documentary Filmmaking as not Only an Output but a Research Process: A Case for Quality Research Practice. International Journal of Qualitative Methods Volume 19: 1–7
- Bradbury, Judd D., and Rosanna E. Guadagno.(2020). "Documentary narrative visualization: Features and modes of documentary film in narrative visualization." Information Visualization 19.4: 339-352.
- Danu@Danoo, N. (2014). Industri gula dan implikasi sosial dan ekonomi masyarakat Perlis, satu tinjauan sejarah, 1970-1990. PROSIDING SEMINAR INSTITUSI RAJA (SIRaj II): Seminar Raja Dan Kerajaan Perlis. Retrieved from Industri gula dan implikasi sosial dan ekonomi masyarakat Perlis, satu tinjauan sejarah, 1970-1990: <http://dspace.unimap.edu.my/handle/123456789/35709>
- Huzaini, N. B. (2019,) . BH ONLINE. Retrieved from MSM jual Ladang Chuping ke F&N Agrivalley: <https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2019/10/615426/msm-jual-ladang-chuping-ke-fn-agrivalley>
- John Grierson (2014). Documentary Film Maker.
- Madsen, R. P. (1973). The Impact of Film. How Ideas Are Communicated Through Cinema and Television.

- Martiniello and Azambuja (2019). Contracting Sugarcane Farming in Global Agricultural Value Chains in Eastern Africa: Debates, Dynamics, and Struggles. *Agrarian South: Journal of Political Economy* 8(1–2) 208–231.
- Mardian Shah Omar & Mashrom Muda.(2019). Kemahiran Komunikasi Penutur Asing: Aplikasi Pendekatan Telefon Pintar dan Internet .*Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* Jilid 35(4): 353-367
- Muhamamrd Ridhwan Sarifin, et.al.(2021). Penggunaan Media dalam Pengekalan Identiti Etnik Generasi Kedua Bawean di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* Jilid 37(1) 2021: 348-363
- Nur Shahafiqah Nadiah Jaffery.et.al.(2020). The Influence of YouTube Advertising on the Attitude towards Fruits and Vegetable Consumption among University Students in Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* Jilid 36(3) 2020: 353-372
- Perlis Sugar Project. (n.d.).
- Putra. (2009). LAMAN INFORMASI AGRO BISNES. Retrieved from Perlis kecewa PPB jual ladang tebu: <http://laman-agromalaysia.blogspot.com/2009/11/perlis-kecewa-ppb-jual-ladang-tebu.html>
- Quah, S. (1999). Sustainable Food Production. Income Generation and Consumer Protection in Malaysia.
- Sharif, S. R. (2019). MyMetro. Retrieved from Tanda tanya 600 pekerja: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/02/418777/tanda-tanya-600-pekerja>
- SUKAN GEMAPUTEA XV PERLIS 2018. (n.d.). Retrieved from Ladang Tebu: <https://www.gemaputeraperlis.com.my/restaurant/ladang-tebu/>